

**TERMA DAN SYARAT KAD EMIRATES HLB (English Version)**

Dikemas Kini pada 24 Mac 2023

Terma dan syarat Kad Emirates HLB (“**T&S**”) ini hendaklah dibaca bersama-sama Terma dan Syarat Perjanjian Pemegang Kad (“**Perjanjian**”) Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”). Kecuali beberapa perubahan yang dibentangkan di sini, terma dan syarat Perjanjian hendaklah diguna pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat Perjanjian dengan T&S ini, maka T&S Kad hendaklah diutamakan setakat berkenaan dengan Kad (seperti yang ditakrifkan di sini). Dengan menerima Kad ini, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan Perjanjian.

**1) A) Takrif:**

- (a) “**Fi Tahunan**” bermaksud Fi yang dikenakan setiap tahun ke atas Pemegang Kad yang perlu dibayar pada tarikh Ulang Tahun Kad.
- (b) “**Kad**” bermaksud Emirates HLB World Elite, Emirates HLB World dan Emirates HLB Platinum yang dikeluarkan oleh HLB dan termasuk sekali kad tambahan, jika berkenaan.
- (c) “**Akaun Kad**” bermaksud akaun Pemegang Kad dengan HLB, yang dibuka bagi Kad itu.
- (d) “**Pemegang Kad**” bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad sama ada “**Pemegang Kad Utama**” dan/atau “**Pemegang Kad Tambahan**” melainkan dinyatakan sebaliknya.
- (e) “**Pemegang Kad Utama**” bermaksud pemegang kad utama yang kepadanya Kad dikeluarkan oleh HLB.
- (f) “**Emirates Skywards**” atau “**Skywards**” bermaksud program penerbang kerap yang dimiliki dan dikendalikan oleh Emirates Airlines.
- (g) “**Akaun Skywards**” bermaksud akaun keahlian Skywards setia yang mana Skywards Miles akan dianugerahkan dan terakru.
- (h) “**Ahli Skywards**” bermaksud sesiapa yang diiktiraf oleh Emirates, atas budi bicara mutlaknya, sebagai ahli Skywards.
- (i) “**Skywards Miles**” atau “**Miles**” bermaksud kredit (dari segi *miles*) yang dianugerahkan oleh HLB dan/atau Emirates kepada Ahli Skywards.
- (j) “**Emirates**” bermaksud Emirates Airlines. Emirates diperbadankan dan berdomisil di Dubai, UAE dan mempunyai pejabat berdaftar di Ibu Pejabat Kumpulan Emirates, PO Box 686, Dubai, UAE.
- (k) “**Peniaga**” ialah individu, firma atau syarikat yang menjalankan perniagaan menjual dan membekalkan barang dan/atau perkhidmatan.
- (l) “**Ulang Tahun Kad**” bermaksud tarikh ulang tahun pengeluaran Kad.
- (m) “**Aplikasi HLB Connect**” bermaksud Perbankan mudah alih HLB Connect.
- (n) “**Program**” bermaksud program Kad Emirates HLB dan meliputi apa-apa perubahan atau pemindaan kepada program itu yang dibuat oleh HLB dari semasa ke semasa, atas budi bicaranya.
- (a) “**Transaksi QR Pay**” bermaksud transaksi runcit dibuat melalui Aplikasi HLB Connect menggunakan QR Pay.
- (o) “**Transaksi Runcit**” atau “**Pembelanjaan Runcit**” bermaksud, bagi tujuan Program ini, pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan di dalam atau luar negara yang dilakukan menggunakan atau dicaj kepada Kad tetapi TIDAK TERMASUK (senarai di bawah ini tidak lengkap dan HLB berhak mutlak menentukan sama ada sesuatu transaksi terangkum dalam takrif Transaksi Runcit atau Pembelanjaan Runcit):
  - (i) Pendahuluan Tunai;
  - (ii) Kuasi Tunai iaitu transaksi pertaruhan dan perjudian;
  - (iii) Transaksi berkaitan Kerajaan dan JomPAY;
  - (iv) Transaksi berkaitan pembayaran bil FPX;
  - (v) Fi Tahunan;
  - (vi) Pindahan Baki;
  - (vii) Caj Pembayaran Lewat;
  - (viii) Caj Yang Dipertikai;
  - (ix) Caj Melibatkan Penipuan;
  - (x) Caj Kewangan;
  - (xi) Fi Penggantian Kad;
  - (xii) Caj Penghantaran;

- (xiii) Pembayaran Tunai;
- (xiv) Cukai Kerajaan (jika berkenaan);
- (xv) Transaksi QR Pay melalui aplikasi HLB Connect; dan
- (xvi) Apa-apa fi, caj atau penalti lain yang dikenakan kepada Pemegang Kad
- (p) "RM" atau "MYR" atau "Ringgit" bermaksud Ringgit Malaysia.
- (q) "USD" bermaksud Dollar Amerika Syarikat.
- (r) "**Pemegang Kad Tambahan**" bermaksud individu yang kepadanya Kad Tambahan dikeluarkan oleh HLB berikut permohonan oleh Pemegang Kad Utama.

**B) Tafsiran**

- (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan berhuruf besar hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Perjanjian melainkan ditakrifkan secara khusus dalam T&S ini.
  - (a) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral, dan begitu juga sebaliknya.
  - (b) Perkataan yang merujuk kepada bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya.
- 2) Program ini terbuka kepada Pemegang Kad Utama dan adalah tertakluk kepada T&S ini serta terma dan syarat dalam Perjanjian.

**Fi Tahunan**

- 3) Fi Tahunan akan dikenakan bagi setiap Kad seperti berikut:

	Emirates HLBWorld Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
<b>Fi Tahunan – Pemegang Kad Utama</b>	RM2,500 setiap Ulang Tahun Kad.	RM1,200 setiap Ulang Tahun Kad.	RM250 setiap Ulang Tahun Kad.  Fi Tahunan dikecualikan apabila memenuhi jumlah Transaksi Runcit RM25,000 dalam Ulang Tahun Kad tahun Sebelum.
<b>Fi Tahunan – Pemegang Kad Tambahan</b>	Percuma Seumur Hidup.	Percuma Seumur Hidup.	Percuma Seumur Hidup.

- 4) Fi Tahunan akan dikenakan pada hari ke-tiga puluh (30) dari tarikh Kelulusan Kad dan/atau tarikh Ulang Tahun Kad.

**Pengumpulan Skywards Miles**

- 5) Untuk layak memperoleh Skywards Miles, Pemegang Kad Utama mestilah Ahli Skywards berdaftar dan mempunyai Akaun Skywards dengan Emirates dan Akaun Kad mestilah sah/aktif, berkedudukan baik, bukan status delikuen dan tidak melanggar sebarang T&S ini serta terma dan syarat Perjanjian ("**Pemegang Kad Utama Layak**"). Kelayakan akan dibatalkan jika Pemegang Kad Utama telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan Akaun Kad dan/atau lain-lain kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh HLB.
- 6) Sekiranya Pemegang Kad Utama bukan Ahli Skywards berdaftar dan tidak mempunyai Akaun Skywards pada masa permohonan Kad dibuat, maka Pemegang Kad Utama dengan ini membenarkan dan mengizinkan HLB untuk mendedahkan maklumat peribadi Pemegang Kad Utama kepada



Emirates untuk memudahkan permohonan pendaftaran Pemegang Kad Utama dengan Emirates sebagai Ahli Skywards dan pembukaan Akaun Skywards. Maklumat peribadi yang boleh didedahkan oleh HLB termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan/nombor pasport, alamat, tarikh lahir, alamat emel, nombor telefon, kewarganegaraan, negara mastautin dan jantina serta apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Emirates untuk memproses permohonan Pemegang Kad Utama sebagai Ahli Skywards dan pembukaan Akaun Skywards.

- 7) Skywards Miles diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak berdasarkan jumlah amaun tercatat untuk Transaksi Runcit yang dibuat dengan Kad dan terkumpul setiap hari bagi setiap transaksi dan akan digenapkan kepada angka Skywards Miles terhampir seperti berikut:

Transaksi Runcit	Emirates HLBWorld Elite	Emirates HLBWorld	Emirates HLB Platinum
<b>Emirates<sup>1</sup></b>	RM4 = 2.5 Miles	RM4 = 2 Miles	RM4 = 1.5 Miles
<b>Luar Negara<sup>2</sup> (bukan Ringgit Malaysia)</b>	RM4 = 1.75 Miles	RM4 = 1.5 Miles	RM4 = 1.25 Miles
<b>Dalam Negara<sup>3</sup> (Ringgit Malaysia)</b>	RM4 = 1 Miles	RM4 = 1 Miles	RM4 = 0.5 Miles

- <sup>1</sup> Transaksi Runcit Emirates bermaksud sebarang Transaksi Runcit dengan Kod Kategori Peniaga (“MCC”) 3026, yang nama peniaga mengandungi kata utama ‘Emirates’  
<sup>2</sup> Transaksi Runcit Luar Negara bermaksud sebarang Transaksi Runcit yang dilakukan dalam mata wang asing, iaitu mata wang bukan Ringgit Malaysia, tanpa mengira lokasi tempat transaksi itu dilakukan.  
<sup>3</sup> Transaksi Runcit Dalam Negara bermaksud sebarang Transaksi Runcit yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia, tanpa mengira lokasi tempat transaksi itu dilakukan

#### Bonus Alu-aluan

- 8) Bonus Alu-aluan Skywards Miles diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLBWorld Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
<b>Bonus Alu-aluan</b>	10,000 Miles	5,000 Miles	2,500 Miles

- 9) Bonus Alu-aluan diberi kepada Pemegang Kad Utama Baru-kepada-Kad setelah melakukan Transaksi Runcit pertama (transaksi tercatat) dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad. Bonus Alu-aluan akan dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak pada hari ke-enam puluh satu (61) dari tarikh kelulusan Kad (“Tarikh”). Pada dasarnya, adalah kewajipan Pemegang Kad Utama Layak untuk memberitahu HLB secara bersurat dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh jika tidak menerima Bonus Alu-aluan mengikut Tarikh yang disebut awal tadi, jika gagal berbuat demikian Pemegang Kad Utama Layak dianggap telah menerima Bonus Alu-aluan dan sebarang permintaan untuk bayaran ganti Bonus Alu-aluan itu tidak akan dilayani HLB ataupun Emirates.  
10) Bonus Alu-aluan tidak akan dianugerahkan sekiranya secara explisit dikecualikan daripada sesuatu promosi. Bonus Alu-aluan dihadkan setakat SATU (1) pemenuhan syarat bagi setiap Pemegang Kad Utama, tanpa mengira bilangan permohonan dan Kad yang diluluskan.

#### Bonus Ulang Tahun

- 11) Bonus Ulang Tahun Skywards Miles diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

Emirates HLBWorld Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
-------------------------	--------------------	-----------------------

<b>Bonus Ulang Tahun</b>	10,000 Miles sebaik memenuhi jumlah Transaksi Runcit RM300,000 dalam Ulang Tahun Kad tahun sebelum.	5,000 Miles sebaik memenuhi jumlah Transaksi Runcit RM200,000 dalam Ulang Tahun Kad tahun sebelum.	2,500 Miles sebaik memenuhi jumlah Transaksi Runcit RM50,000 dalam Ulang Tahun Kad tahun sebelum.
--------------------------	---	--	---

- 12) Bonus Ulang Tahun diberi kepada kedua-dua Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad dan sedia ada setelah memenuhi kriteria seperti tersebut dalam Fasal 11 di atas. Bonus Ulang Tahun akan dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak dalam masa lima (5) hari berkerja selepas Ulang Tahun Kad. Pada dasarnya, adalah kewajipan Pemegang Kad Utama Layak untuk memberitahu HLB secara bersurat dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh jika tidak menerima Bonus Ulang Tahun dalam masa yang disebut awal tadi, jika gagal berbuat demikian maka Pemegang Kad Utama Layak dianggap telah menerima Bonus Ulang Tahun dan sebarang permintaan untuk bayaran ganti Bonus Ulang Tahun tidak akan dilayani oleh HLB atau Emirates.
- 13) Skywards Miles yang diperoleh oleh Pemegang Kad Tambahan akan dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak. Jumlah Skywards Miles yang diperoleh secara kolektif oleh Pemegang Kad akan dipaparkan dalam penyata bulanan Pemegang Kad Utama Layak dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak.
- 14) Bagi mengelakkan keraguan, sungguhpun Transaksi Runcit yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan akan memperoleh Skywards Miles, namun Skywards Miles hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak dan hanya Pemegang Kad Utama Layak berhak menebus Skywards Miles.
- 15) HLB akan sebaiknya berusaha untuk memastikan Skywards Miles dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak dalam masa empat puluh lapan (48) jam selepas transaksi dicatatkan pada Akaun Kad. HLB berhak untuk mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan Skywards Miles menurut budi bicaranya dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad Utama Layak. Walaupun Skywards Miles yang diperoleh oleh Pemegang Kad Utama Layak akan dipaparkan dalam penyata bulanan Pemegang Kad Utama Layak, hanya Skywards Miles yang dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak boleh ditebus. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan dan/atau keciciran semasa memproses dan mengkredit Skywards Miles ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak.
- 16) Skywards Miles yang dikredit ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak hanya boleh digunakan bagi penebusan di bawah program Skywards tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Emirates dan mengikut pindaan yang dibuat oleh Emirates dari semasa ke semasa.
- 17) Skywards Miles yang diperoleh itu tidak mempunyai nilai tunai atau nilai kewangan. Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, Skywards Miles yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada sesiapa jua atau pihak atau entiti ketiga, juga tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau kredit.
- 18) HLB mempunyai hak dan budi bicara pada bila-bila masa dengan memberi notis awal tanpa menyatakan sebarang sebab kepada Pemegang Kad dan tanpa liabiliti terhadap Pemegang Kad untuk menggantung buat tempoh yang tidak pasti, membatalkan dan/atau menamatkan atau mengubah Program. Tanpa menghadkan keluasan makna peruntukan-peruntukan sebelum ini, HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan atas penggantungan, pembatalan atau penamatkan Program atau apa-apa manfaat yang disediakan di bawahnya atas apa jua sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan bila mana Emirates menarik balik atau membatalkan apa-apa manfaat atau tawaran yang dibuat di bawah Program, termasuk pembatalan, penggantungan, penarikan balik dan/atau pengubahan Skywards dalam apa-apa cara yang menjelaskan kepentingan HLB dan/atau Pemegang Kad.
- 19) Pemegang Kad Utama Layak bertanggungjawab memastikan status Akaun Skywards sentiasa

berkedudukan baik serta aktif supaya boleh menerima Miles daripada HLB. Pemegang Kad Utama Layak hendaklah menghubungi Emirates dan berurus secara langsung dengan Emirates berkenaan penebusan Skywards Miles atau apa-apa kemosyikian atau pertikaian berkaitan dengan Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak dengan Emirates. HLB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pemegang Kad Utama Layak atas apa jua tindakan atau keciciran oleh Emirates berkaitan dengan Skywards Miles, termasuk tetapi tidak terhad kepada penebusan Skywards Miles oleh Pemegang Kad Utama Layak dan apa-apa isu berkaitan dengan penebusan Skywards Miles hendaklah diselesaikan antara Pemegang Kad Utama Layak dengan Emirates tanpa bantuan HLB.

- 20) Jika Kad Pemegang Kad Utama Layak dibatalkan atau ditamatkan sama ada oleh Pemegang Kad Utama Layak atau HLB, maka Pemegang Kad Utama Layak tidak akan berhak mendapat Skywards Miles yang diperoleh bagi Transaksi Runcit menggunakan Kad yang belum dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak biarpun Skywards Miles yang diperoleh itu telah dicatatkan dalam penyata Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak. Skywards Miles yang diperoleh itu akan dibatalkan/dilupuskan secara automatik sebaik sahaja Kad itu dibatalkan dan/atau ditamatkan. Jika Kad Pemegang Kad itu digantung sementara,maka Skywards Miles yang diperoleh bagi Transaksi Runcit menggunakan Kad yang belum dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak tidak akan dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak tetapi akan terus mengumpul Miles ("**Skywards Miles Terkumpul**"). Skywards Miles Terkumpul itu hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak dengan Emirates apabila penggantungan itu ditarik balik. Sekiranya penggantungan itu tidak ditarik balik dan Kad itu dibatalkan atau ditamatkan, maka Skywards Miles Terkumpul itu akan dilupuskan dan Pemegang Kad Utama Layak tidak akan mendapat penyelesaian daripada HLB atau Emirates berkenaan Sykwards Miles Terkumpul yang dilupuskan itu. Peruntukan Fasal ini akan terpakai kepada Pemegang Kad Tambahan seandainya Kad Pemegang Kad Utama Layak ditamatkan atas apa jua sebab sekalipun.
- 21) Sekiranya apa-apa Transaksi Runcit perlu dibalikkan atau dibatalkan atas Kad yang mana akan diputuskan menurut budi bicara mutlak HLB tanpa menimbulkan sebarang liabiliti di pihak HLB, maka HLB berhak atas budi bicara mutlaknya sama ada:
  - (a) Meminta Emirates mendebit Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak untuk Skywards Miles berkaitan yang diperoleh daripada Transaksi Runcit berkaitan yang perlu dibalikkan atau dibatalkan; atau
  - (b) Debit Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak bagi Skywards Miles yang diperoleh daripada Transaksi Runcit yang perlu dibalikkan atau dibatalkan berdasarkan kadar penukaran yang akan ditentukan oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya, jika Skywards Miles yang diperoleh daripada Transaksi Runcit tersebut telah ditebus oleh Pemegang Kad Utama Layak.
- 22) Transaksi Runcit menggunakan Kad dan penukarannya kepada Skywards Miles akan dipaparkan dalam penyata bulanan yang dikeluarkan oleh HLB kepada Pemegang Kad Utama Layak. Pemegang Kad Utama Layak dengan ini ternyata beraku janji dan bersetuju dengan HLB bahawa Pemegang Kad Utama Layak wajib melaporkan kepada HLB secara bersurat dan dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh Pemegang Kad Utama Layak menerima atau dianggap telah menerima Penyata akan apa-apa ralat, percanggahan atau ketidaktepatan yang tercatat dalam penyata akaun bulanan bagi Kad, terutamanya berkaitan dengan Transaksi Runcit yang bersabit dengan Skywards Miles yang diperoleh. Sekiranya dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam Perjanjian dan/atau T&S Kad tidak memberitahu HLB secara bersurat tentang sebarang ralat, percanggahan atau ketidaktepatan maka Pemegang Kad Utama yang layak akan dianggap telah menerima catatan di dalamnya sebagai keterangan betul dan bukti muktamad akan fakta yang terkandung di dalamnya dan penyata itu akan dianggap sebagai mengikat ke atas Pemegang Kad Utama Layak dan dengan itu Pemegang Kad Utama Layak dihalang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap HLB dengan mengata penyata tersebut mengandungi ralat, percanggahan atau ketidaktepatan.

### Terbang ke Eropah

23) Terbang ke Eropah (“**Terbang ke Eropah**”) diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLB World Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
<b>Terbang ke Eropah</b>	<p>150,000 Miles*, yang nilainya setara Business Saver penerbangan pergi balik dalam Kelas Perniagaan ke Eropah**, setelah memenuhi jumlah Transaksi Runcit RM300,000 dalam Ulang Tahun Kad tahun sebelum.</p> <p>*Miles yang diperlukan mungkin berubah-ubah dari semasa ke semasa. **Business Saver penerbangan pergi balik dan lokasi yang dipilih ialah tertakluk pada ketersediaan.</p>	<p>75,000 Miles*, yang nilainya setara Economy Saver penerbangan pergi balik Kelas Ekonomi ke Eropah**, setelah memenuhi jumlah Transaksi Runcit RM200,000 dalam Ulang Tahun Kad tahun sebelum.</p> <p>*Miles yang diperlukan mungkin berubah-ubah dari semasa ke semasa. **Economy Saver penerbangan pergi balik dan lokasi yang dipilih ialah tertakluk pada ketersediaan.</p>	Tak berkenaan

24) Terbang ke Eropah terbuka kepada kedua-dua Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad dan sedia ada, setelah memenuhi kriteria yang tersebut dalam Fasal 23 di atas. Terbang ke Eropah miles akan dikreditkan ke dalam Akaun Skywards Pemegang Kad Utama Layak lima (5) hari perniagaan selepas Ulang Tahun Kad. Pemegang Kad Utama Layak mempunyai kelonggaran untuk menggunakan dan/atau menebus Miles untuk Terbang ke Eropah menurut program Skywards.

25) Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Utama Layak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa surc妖 bahan api, cukai lapangan terbang dan/atau apa-apa fi lain yang mungkin dikenakan semasa menebus Terbang ke Eropah.

### Khidmat Angkut Lapangan Terbang

26) Khidmat Angkut Lapangan Terbang (“**Angkut Lapangan Terbang**”) diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLBWorld Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
<b>Angkut Lapangan Terbang</b>	Maksimum 2 perjalanan bernilai RM100 setiap perjalanan, setelah memenuhi syarat setiap RM2,000 perbelanjaan bagi Transaksi Runcit Emirates dan/atau Transaksi Runcit Luar Negara dalam Ulang Tahun Kad	Maksimum 1 perjalanan, bernilai RM88, setelah memenuhi syarat setiap RM2,000 perbelanjaan bagi Transaksi Runcit Emirates dan/atau Transaksi Runcit Luar Negara dalam Ulang Tahun Kad	Maksimum 1 perjalanan, bernilai RM88, setelah memenuhi syarat setiap RM2,000 perbelanjaan bagi Transaksi Runcit Emirates dan/atau Transaksi Runcit Luar Negara dalam Ulang Tahun Kad

- 27) Angkut Lapangan Terbang bermaksud khidmat pengangkutan yang disediakan oleh oleh pemandu e-hailing pihak ketiga melalui aplikasi berdasarkan telefon pintar mudah alih, Applikasi Grab, yang ditawarkan oleh Grabcar Sdn Bhd ("Grab"), sama ada ambil atau turun di lapangan terbang yang mengambil bahagian di Malaysia sahaja seperti tersenarai dalam Jadual 1 di bawah. Kod promo Grab akan dihantar kepada Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad atau sedia ada dalam masa lima (5) hari perniagaan setelah memenuhi kriteria seperti tersebut dalam Fasal 26 di atas melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") dan/atau Mel Terus Elektronik ("EDM"). Pada dasarnya, adalah kewajipan Pemegang Kad Utama Layak untuk memastikan bahawa mereka telah kemas kini nombor telefon bimbit dan/atau alamat e-mel yang terkini dan sah kepada HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab jika Pemegang Kad Utama Layak tidak menerima SMS/EDM tersebut atas apa-apa juga sebab.
- 28) Kod promo Grab mempunyai tempoh sah berdasarkan tarikh luput yang dinyatakan dalam SMS dan/atau EDM.

**Jadual 1**

Bil	Lapangan Terbang Sertaan di Malaysia
1	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
2	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2)
3	Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi
4	Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang
5	Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
6	Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu
7	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching

- 29) Pemegang Kad Utama Layak mestilah membuat tempahan Angkut Lapangan Terbang menggunakan aplikasi mudah alih Grab dengan kod promo Grab yang sah. Pemegang Kad Utama Layak dianggap berjaya menebus Kod promo Grab setelah Pemegang Kad Utama Layak menerima mesej in-app dan/atau SMS yang berkenaan. Tempahan yang dibatalkan akan menyebabkan kod promo Grab tidak sah.
- 30) Bayaran lebihan untuk Angkut Lapangan Terbang akan dicaj kepada Kad Pemegang Kad Utama Layak sekiranya tambang Angkut Lapangan Terbang sebenar melebihi nilai kod promo Grab seperti tersebut dalam Fasal 26. Bayaran ganti tidak akan dibuat jika tambang Angkut Lapangan Terbang sebenar kurang daripada kod promo Grab seperti tersebut dalam Fasal 26. Apa-apa nilai yang tidak digunakan atau baki dalam kod promo Grab akan dilupuskan dan tidak boleh ditukar ganti kepada wang tunai dan/atau kredit.
- 31) Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Utama Layak dikehendaki memuat turun dan memasang aplikasi mudah alih Grab menerusi Google Play Store (bagi telefon bimbit Android) atau App Store (bagi telefon bimbit iOS) dan mendaftar sebagai pelanggan Grab dengan Kad sebagai kaedah bayaran pilihan utama. Pemegang Kad Utama Layak perlu memasukkan Kod promo Grab yang sah ke dalam aplikasi mudah alih Grab sebelum membuat pengesahan tempahan. Dengan memuat turun dan memasang aplikasi mudah alih Grab, Pemegang Kad Utama Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Grab dan apa-apa pemindaan dan penambahan akan datang kepada terma dan syarat sebagaimana tersiar dari semasa ke semasa di <http://www.grab.com> atau menerusi aplikasi mudah alih Grab
- 32) HLB tidak mewakili atau memberi jaminan bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Grab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang caj, tuntutan, kehilangan atau kerosakan akibat daripada perkhidmatan Angkut Lapangan Terbang ini. Angkut Lapangan Terbang ini tidak boleh

dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, juga tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau apa yang lain.

### **Program Golf**

33) Program Golf (“**Program Golf**”) diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLBWorld Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
<b>Program Golf</b>	Diberikan dua (2) kali fi padang sebulan di balapan golf terpilih di Malaysia dan/atau luar negara dengan baki minimum RM2,000 dalam Penyata Kad terkini	Diberikan dua (2) kali fi padang sebulan di balapan golf terpilih di Malaysia sahaja dengan baki minimum RM2,000 dalam Penyata Kad terkini	Diberikan satu (1) kali fi padang sebulan di balapan golf terpilih di Malaysia sahaja dengan baki minimum RM2,000 dalam Penyata Kad terkini

34) Program Golf bermaksud perkhidmatan program golf yang disediakan oleh Green Golf International Pte (No. Syarikat 201614904D) (“**Green Golf**”). Program Golf terbuka kepada kedua-dua Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad dan sedia ada setelah memenuhi kriteria yang tersebut dalam Fasal 33 di atas. Pemegang Kad Utama Layak hendaklah membuat penempahan golf melalui laman web mikro khas di <https://emirateshongleongbank.greengolf-international.com> yang dikendalikan oleh Green Golf (“**Microsite**”).

35) Program Golf adalah sah di dua puluh satu (21) kelab golf yang mengambil bahagian di Malaysia dan dua puluh sembilan (29) kelab golf yang mengambil bahagian di luar Malaysia (secara kolektif dikenali sebagai “**Kelab Golf**”). Klik [di sini](#) untuk senarai Kelab Golf yang mengambil bahagian.

36) Setiap tempahan golf mestilah diiringi satu (1) orang tamu yang berbayar (“**Tamu**”) bagi permainan Isnin hingga Jumaat dan Dua (2) orang tamu yang berbayar (“**Tamu**”) bagi permainan hujung minggu dan semua caj akan dikenakan kepada Kad Pemegang Kad Utama Layak. Dengan menempah menerusi Microsite, Pemegang Kad Utama Layak dan Tamu mereka bersetuju mematuhi terma dan syarat am Program Golf serta terma dan syarat Kelab Golf masing-masing dan apa-apa pemindaan dan penambahan akan datang kepada terma dan syarat sepertimana tersiar dari semasa ke semasa di Microsite. Klik [di sini](#) untuk terma dan syarat am.

37) HLB tidak mewakili atau memberi jaminan bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Green Golf dan/tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa pertukaran, tuntutan, kehilangan atau kerosakan akibat daripada tawaran ini. Apa-apa isu, kemusykilan atau pertikaian berkenaan Program Golf hendaklah diselesaikan antara Green Golf dengan Pemegang Kad Utama Layak tanpa bantuan HLB. Program Golf tidak boleh dipindah milik, juga tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang.

### **Insurans Perubatan dan Perjalanan Luar Negara**

38) Insurans Perubatan dan Perjalanan Luar Negara (“**Insurans Perjalanan**”) diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut dan tertakluk kepada terma polisi setiap Insurans Perjalanan:

	Emirates HLB World Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
<b>Insurans Perjalanan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Insurans Perubatan sehingga USD500,000</li> <li>• Insurans Kemalangan Perjalanan sehingga USD500,000</li> <li>• Kesulitan Perjalanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Insurans Perubatan sehingga RM85,000</li> <li>• Insurans Kemalangan Perjalanan sehingga RM3 juta</li> <li>• Kesulitan Perjalanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Insurans Perubatan sehingga RM40,000</li> <li>• Insurans Kemalangan Perjalanan sehingga RM1.5 juta</li> <li>• Kesulitan Perjalanan</li> </ul>

	sehingga USD7,500	Peribadi & Keluarga sehingga RM24,000	Peribadi & Keluarga sehingga RM12,000
--	-------------------	--	--

- 39) Insurans Perjalanan terbuka kepada Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad dan sedia ada seperti tersebut dalam Fasal 38 di atas. Pemegang Kad Utama Layak mestilah membayar dengan Kad mereka semasa membeli tiket penerbangan untuk menikmati perlindungan Insurans Perjalanan.
- 40) **Emirates HLB World Elite**  
 Insurans Perjalanan bagi Emirates HLB World Elite ditaja jamin oleh AIG Malaysia Insurance Berhad. Klik [di sini](#) untuk menyemak polisi. Untuk memfailkan tuntutan, sila log masuk ke <https://my.mycardbenefits.com/>.
- 41) **Emirates HLB World**  
 Insurans Perjalanan bagi Emirates HLB World ditaja jamin oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (“MSIG”). Klik [di sini](#) untuk menyemak polisi.
- 42) **Emirates HLB Platinum**  
 Insurans Perjalanan bagi Emirates HLB Platinum ditaja jamin oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd. Klik [di sini](#) untuk menyemak polisi.
- 43) Pemegang Kad Utama dikehendaki menulis surat/menelefon untuk memberitahu MSIG jika ada tuntutan:

#### **MSIG INSURANCE (MALAYSIA) BHD**

Bancassurance Department  
 Aras 16, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng  
 No. 1, Jalan P. Ramlee  
 50250 Kuala Lumpur, Malaysia  
 Talian Banca: 1800 88 6163  
 Faks: 03-2070 5959  
 Emel: [bancahotline@my.msig-asia.com](mailto:bancahotline@my.msig-asia.com)

#### **Insurans Belian Mastercard**

- 44) Insurans Belian Mastercard (“**Insurans Belian**”) diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLB World Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
<b>Insurans Belian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlindungan Belian sehingga USD20,000</li> <li>• Waranti Lanjutan sehingga USD2,000</li> <li>• Perlindungan Belian E-Dagang sehingga USD1,000</li> <li>• Pelindung Dompet sehingga USD500</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelindung Dompet sehingga USD100</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlindungan Belian E-Dagang sehingga USD200</li> </ul>

- 45) Insurans Belian terbuka kepada kedua-dua Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad dan sedia ada seperti tersebut di bawah Fasal 44 di atas. Pemegang Kad Utama Layak mestilah membayar dengan Kad semasa membeli produk dan perkhidmatan seperti disediakan dalam pautan dalam Fasal 46 di bawah yang layak mendapat Insurans Belian.
- 46) Insurans Belian bagi Kad Emirates HLB ditaja jamin oleh AIG Malaysia Insurance Berhad.



- (a) Klik [di sini](#) untuk menyemak polisi Insurans Belian bagi Emirates HLB World Elite
- (b) Klik [di sini](#) untuk menyemak polisi Insurans Belian bagi Emirates HLB World
- (c) Klik [di sini](#) untuk menyemak polisi Insurans Belian bagi Emirates HLB Platinum.

#### **Mastercard Travel and Lifestyle Services**

47) Tertakluk kepada caj berkenaan serta terma dan syarat, Mastercard Travel and Lifestyle Services (“MTLS”) disediakan kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLB World Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
MTLS	<ul style="list-style-type: none"><li>• Hotel &amp; Resort Mewah</li><li>• Pelayaran Pesiarian</li><li>• Sewaan Kereta</li><li>• Penerbangan</li><li>• Jet Persendirian</li><li>• Jaminan Inap Hotel</li><li>• Pengalaman Epicurean</li><li>• Lifestyle Enquirer</li><li>• Permintaan Tiket Konsert</li><li>• Concierge Lapangan Terbang</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Hotel &amp; Resort Mewah</li><li>• Pelayaran Pesiarian</li><li>• Sewaan Kereta</li><li>• Penerbangan</li><li>• Jaminan Inap Hotel</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Hotel &amp; Resort Mewah</li><li>• Jaminan Inap Hotel</li></ul>

48) MTLS terbuka kepada kedua-dua Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad dan sedia ada seperti tersebut dalam Fasal 47 di atas. Pemegang Kad Utama Layak boleh mula menikmati MTLS setelah Kad diluluskan.

Klik [di sini](#) untuk butiran lanjut tentang MTLS.

49) **Emirates HLB WorldElite**

Untuk penempahan dan pertanyaan mengenai MLTS, sila hubungi Ten Lifestyle Group PLC di talian 1-800-883-947 (Nombor Bebas Tol)

50) **Emirate HLB World and Platinum**

Untuk penempahan dan pertanyaan mengenai MLTS, sila layari  
<https://apac.mastercard.com/enap/homePage>

51) Bayaran mestilah dibuat dengan Kad. Tertakluk kepada terma dan syarat MTLS.

Klik [di sini](#) untuk butiran lanjut.

52) Klik [di sini](#) untuk Soalan-soalan Lazim

53) HLB tidak mewakili atau memberi jaminan bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Mastercard bagi MLTS dan tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa pertukaran, tuntutan, kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh tawaran ini.

#### **Pengalaman Lapangan Terbang Mastercard disediakan oleh LoungeKey**

54) Pengalaman Lapangan Terbang Mastercard (“MCAE”) diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLBWorld Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
MCAE	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diberikan keahlian dengan lebih daripada 1,000 lounge di lebih 500 lapangan terbang serata dunia, serta juga tawaran jamu selera, spa dan runcit daripada peniaga lapangan terbang terpilih tanpa mengira syarikat penerbangan, keahlian penerbang kerap atau tiket kelas.</li> <li>Diberikan 1x akses lounge lapangan terbang setahun. Fi kunjungan akan dikenakan bagi kunjungan Pemegang Kad Utama Layak melebihi hak kelayakan dan bagi semua kunjungan tamu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diberikan keahlian dengan lebih daripada 1,000 lounge di lebih 500 lapangan terbang serata dunia, serta juga tawaran jamu selera, spa dan runcit daripada peniaga lapangan terbang terpilih tanpa mengira syarikat penerbangan, keahlian penerbang kerap atau tiket kelas.</li> </ul>	Tak berkenaan

55) MCAE terbuka kepada kedua-dua Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad dan sedia ada seperti tersebut di bawah Fasal 54 di atas. Pemegang Kad Utama Layak bagi Emirates HLB World Elite dan Emirates HLB World boleh menikmati MCAE mulai dari 01 Julai 2019 dan setelah Kad diluluskan dengan mendaftarkan butiran Kad tersebut dalam laman web MCAE di <https://airport.mastercard.com/>

56) Penggunaan MCAE tertakluk kepada Terma dan Syarat LoungeKey. Untuk butiran lanjut, sila layari <http://airport.mastercard.com/en/terms-of-use>

57) Untuk Soalan-soalan Lazim MCAE, sila layari <https://airport.mastercard.com/en/faq>

58) HLB tidak mewakili atau memberi jaminan bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Lounge Key Ltd dan tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa pertukaran, tuntutan, kehilangan, atau kerosakan yang disebabkan oleh tawaran ini.

#### Akses ke Emirates Lounge di Dubai

59) Akses ke Emirates Lounge di Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai (“**Akses Lounge**”) diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLBWorld Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
Akses Lounge	Empat (4) kali dalam masa Ulang Tahun Kad	Dua (2) kali dalam masa Ulang Tahun Kad	Tak berkenaan

60) Akses Lounge terbuka kepada kedua-dua Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad dan sedia ada seperti tersebut dalam Fasal 59 di atas. Akses Lounge boleh turut digunakan untuk teman Pemegang Kad Utama Layak dan/atau Kad Tambahan yang dalam perjalanan sama dengan Pemegang Kad Utama Layak tertakluk kepada akses berbaki seperti tersebut dalam Fasal 59. Pemegang Kad Utama Layak mempunyai pilihan untuk membayar fi untuk Akses Lounge sebanyak USD100 seorang setelah habis Akses Lounge diberikan.

61) Pemegang Kad Utama Layak dan teman perjalannya (termasuk Pemegang Kad Tambahan) hendaklah akur kepada, tidak terhad kepada hal-hal berikut:

- Akses Lounge yang tidak digunakan dalam masa Ulang Tahun Kad tidak boleh dibawa ke hadapan kepada Ulang Tahun Kad yang seterusnya.
- Kad Emirates HLB World Elite dan/atau Emirates HLB World mestilah ditunjukkan di kaunter penyambut lounge bersama-sama dengan pas masuk Emirates.
- Akses Lounge adalah bergantung kepada ketersediaan tempat atau ruang.
- Manfaat ini tidak diberi kepada tiket pekerja Emirates, tiket berdiskaun dan tiket ejen, tiket ganjaran, tiket konsultan dan tiket berdiskaun yang lain.

62) Pemegang Kad Utama Layak boleh menyemak terma dan syarat Emirates Lounge di [www.emirates.com/my](http://www.emirates.com/my) yang mana mungkin akan dipindah dari semasa ke semasa. Akses Lounge tidak boleh dipindah milik atau ditukar untuk wang tunai atau apa-apa yang lain.

### **Status Perak Skywards**

63) Status Perak Skywards ("Status Perak") diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLBWorld Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
Status Perak	Satu (1) tahun dari Tarikh Kelulusan Kad	Satu (1) tahun dari Tarikh Kelulusan Kad	Tak berkenaan

64) Status Perak akan dinaik taraf dan/atau didaftarkan bagi Pemegang Kad Utama Layak seperti tersebut dalam Fasal 63 dalam masa empat belas (14) hari kalender dari tarikh kelulusan Kad. Pengesahan akan dihantar oleh Emirates melalui e-mel bersama arahan bagaimana menyemak dan memuat turun kad digital Perak Emirates Skywards untuk menikmati keistimewaan.

65) Keistimewaan yang ditawarkan bagi Status Perak adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada hal-hal berikut dan ditentukan secara mutlak oleh Emirates:

- Akses ke Emirates Lounge di Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai
- 25% bonus Skywards Miles bagi penerbangan Emirates
- Tambahan 12kg kelonggaran bagasi semasa daftar masuk
- Daftar masuk keutamaan

66) Jika Pemegang Kad Utama Layak adalah ahli Perak Emirates Skywards sedia ada, maka status Perak mereka akan dilanjutkan selama satu (1) tahun dari tarikh kelulusan Kad. Jika Pemegang Kad Utama adalah ahli Emirates Skywards Emas atau Platinum sedia ada, status keahlian sedia ada mereka tidak akan terjejas.

67) Pemegang Kad Utama Layak dikehendaki memenuhi syarat-syarat program Skywards yang dikenakan oleh Emirates untuk mengekalkan Status Perak bagi tahun-tahun seterusnya untuk mengelak daripada diturun taraf kepada Status Biru Skywards. Pemegang Kad Utama Layak hendaklah menyemak terma dan syarat Emirates di [www.emirates.com/my](http://www.emirates.com/my) yang mungkin akan dipindah dari semasa ke semasa. HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan oleh Pemegang Kad Utama Layak atas apa-apa tindakan atau keciciran oleh Emirates bersabit dengan Status Perak.

### **Pelan Bayaran Fleksi**

68) Pelan Bayaran Fleksi ("FPP") diberi kepada Pemegang Kad Utama Layak seperti berikut:

	Emirates HLB World Elite	Emirates HLB World	Emirates HLB Platinum
Pelan Bayaran Fleksi	<b>Ansuran 0% untuk 12 bulan bagi Transaksi Runcit minimum RM1,000</b>		

69) FPP terbuka kepada kedua-dua Pemegang Kad Utama Layak Baru-kepada-Kad dan sedia ada setelah memenuhi kriteria seperti tersebut dalam Fasal 68 di atas. Dengan FPP Pemegang Kad Utama Layak boleh membayar balik Transaksi Runcit (melainkan **Transaksi Terkecuali** seperti ditakrif di bawah)

dengan amaun transaksi minimum Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000) dan yang telah pun didebitkan kepada Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak dan/atau direkodkan dalam penyata kad kredit semasa secara ansuran bulanan sepanjang tempoh yang ditetapkan (“**Ansuran Bulanan FPP**”) mengikut persetujuan antara Pemegang Kad Utama Layak dengan HLB.

- 70) Transaksi Runcit mestilah tidak melewati tarikh matang bayaran pada masa penukaran kepada FPP.
- 71) FPP tidak terbuka kepada pendahuluan tunai, amaun ansuran yang dibayar di bawah program-program lain HLB seperti Pindahan Baki, Balance Transfer Plus, Pelan Bayaran Lanjutan, Quick Cash, Quick Cash Fi Sekali, Fi Tahunan, baki ke hadapan kad dan caj-caj lain yang dikenakan oleh HLB sepetimana diperuntukkan dalam Perjanjian (“**Transaksi Terkecuali**”).
- 72) Penukaran FPP tidak layak mendapat apa-apa mata ganjaran dan/atau rebat tunai dan/atau Skyward Miles melainkan diberitahu sebaliknya oleh HLB.
- 73) Kelulusan permohonan penukaran FPP daripada Pemegang Kad Utama Layak adalah tertakluk kepada:
  - (a) kedudukan terkini Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak;
  - (b) had kredit ansuran tersedia bagi Pemegang Kad Utama Layak pada masa permohonan penukaran kepada FPP dibuat;
  - (c) Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak tidak tertunggak bayaran pada masa permohonan FPP; dan
  - (d) Bagi hal-hal lain, atas budi bicara HLB.
- 74) Pemegang Kad Utama akan diberitahu tentang kelulusan atau penolakan permohonan penukaran FPP secara bertulis melalui pos dalam masa sepuluh (10) hari berkerja dari tarikh HLB menerima permohonan penukaran FPP Pemegang Kad Utama Layak. HLB berhak menolak permohonan penukaran FPP tanpa memberi sebarang sebab. Sekiranya Pemegang Kad Utama tidak menerima apa-apa pemberitahuan daripada HLB selepas sepuluh (10) hari berkerja dari tarikh permohonan penukaran FPP, maka Pemegang Kad Utama Layak perlu menghubungi Pusat Hubungan Hong Leong di talian 03- 76268899 untuk penjelasan.
- 75) Pemegang Kad Utama Layak mestilah membayar amaun Ansuran Bulanan FPP penuh di samping 5% bayaran minimum bulanan yang matang atas baki lain yang tertunggak pada kad kredit. Sekiranya bayaran penuh ini tidak diterima oleh HLB pada atau sebelum tarikh matang bayaran seperti ditetapkan dalam penyata kad bulanan, maka caj kewangan semasa dan fi bayaran lewat akan dikenakan ke atas jumlah gabungan yang terdiri daripada Ansuran Bulanan FPP campur 5% bayaran minimum, selaras dengan terma dan syarat Perjanjian.
- 76) Pemegang Kad Utama Layak hendaklah serta-merta melunaskan segala baki belum jelas dalam FPP termask fi dan faedah jika :
  - (a) Pemegang Kad Utama Layak ingkar menuaikan obligasinya seperti tersebut dalam T&S atau terma dan syarat di bawah Perjanjian;
  - (b) FPP dibatalkan atau ditamatkan atas apa juia sebab sekalipun; atau
  - (c) Akaun Kad Pemegang Kad Utama Layak tertunggak bayaran selama 90 hari, ataupun dibatalkan atau ditamatkan. Jika tidak, caj kewangan semasa akan dikenakan ke atas baki belum jelas FPP tersebut sehingga segala baki belum jelas FPP itu dilunaskan sepenuhnya.
- 77) HLB berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender kepada Pemegang Kad Utama Layak untuk menambah, meminda, mengubah suai, menukar atau meminda mana-mana terma dan syarat ini atau untuk menggantikan keseluruhan atau sebahagiannya dengan program lain, menarik balik Program FPP ini atau menamatkan FPP Pemegang Kad Utama Layak sama sekali.

#### Terma dan Syarat Am

- 78) T&S ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
- 79) HLB berhak setelah memberikan notis awal untuk mengubah (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau sebagaimanapun sebaliknya) ("**Pindaan**") mana-mana terma dan syarat di sini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, mengubah dan/ atau menarik balik Program atau menukar penyedia perkhidmatan daripada Emirates kepada penyedia perkhidmatan lain yang serupa. Pemberitahuan kepada Pemegang Kad berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut cara yang ditetapkan oleh HLB dalam Perjanjian.
- 80) Keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Program, termasuk penentuan dan kelayakan Skywards Miles adalah muktamad dan mengikat dan apa-apa pertikaian berkenaan Program (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan Skywards Miles) tidak akan dilayani oleh HLB.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang sedang melayan anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).